

Headline	Lelong Suria FM sambil beramal	Language	MALAY
Date	17. Jan 2009	Page No	22
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	203 cm2
Section	Supplement	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287	AdValue	4015.71



Lelong Suria FM sambil beramal



ENSKU EMRAN (dua dari kanan), **Subi** (dua dari kiri) bersama **Raja Azizan** (kiri) dan **Norlina Alawi** mengharapkan agar dapat mengutip sumbangan yang besar pada majlis lelongan tersebut.

Oleh **NOR FADZILAH BAHARUDIN**
 fadzilah.bahar@utusan.com.my

MENYEDARI akan keperitan dan kepayahan yang dialami oleh golongan yang kurang berkemampuan, stesen radio swasta, Suria FM mengambil pendekatan terbaik bagi membantu mereka.

Memilih *Road Tour Lelong Amal Suria FM* sebagai aktiviti permulaan yang dirangka oleh stesen tersebut bagi memanasakan kedatangan tahun baru ini.

Bermula hari ini di pusat membeli belah Mydin USJ, Subang Jaya, Selangor dari pukul 8 hingga 10 malam, lapan lagi lokasi lain turut menjadi pilihan stesen radio berkenaan.

Menurut Ketua Pegawai Operasi Suria FM, Engku Emran Engku Zainal Abidin, pendekatan tersebut diambil kerana bersesuaian dengan objektif mereka untuk menolong golongan kurang berkemampuan selain ia juga turut dapat mempromosikan stesen radio tersebut.

"Aktiviti ini dianjurkan sebagai suntikan baru pada *road show* kita. Sudah dua tahun kita anjurkan dan sambutan yang diberikan sangat baik.

"Jadi apa salahnya daripada *road show* ini kita buat sekali lelongan amal untuk membantu golongan yang memerlukan terutamanya kanak-kanak," katanya pada sidang media baru-baru ini.

Tambah Emran, dua badan amal yang dipilih ialah Rumah Nur Salam yang memberikan perlindungan kepada anak-anak terbiar Chow Kit dan Persatuan Kebajikan Anak Pesakit Aids/HIV Nurul Iman Malaysia (Pernim) untuk anak-anak terbiar HIV positif.

Pemilihan kedua-dua badan ini dibuat Suria FM berdasarkan beberapa faktor yang menepati kriteria.

Sehubungan itu, bagi memastikan *road tour* tersebut mendapat sambutan, Suria FM bertuah kerana mendapat kerjasama daripada artis-artis popular antaranya Erra Fazira, Dafi, Dayang Nurfaizah, Imran Ajmain, Farah Asyikin, Nubhan, Diana Danielle dan ramai lagi.

Selain menyanyi, artis-artis popular yang terlibat dalam *road show* ini juga akan melelong dua barang peribadi mereka.

Erra Fazira misalnya akan melelong beg tangan dan kaca mata hitam, Nubhan (topi/kasut), Farah Asyikin (baju) dan Imran Ajmain (kain songket).

Bersiaran pada frekuensi 105.3 fm di Lembah Klang, Engku Emran memberitahu, pihaknya mengharapkan khalayak akan meluangkan masa dan sudi beramal demi kebajikan anak-anak terbabit.